

PINJAMAN PERIBADI/PEMBIAYAAN PERIBADI-i: KEMPEN RECHARGE 2020**Tempoh Kempen**

“Kempen *Recharge* 2020” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (2005501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 1 Ogos 2020 dan tamat pada 31 Oktober 2020, (“**Tempoh Kempen**”) kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Terma & Syarat

Berikut adalah terma dan syarat yang berkuatkuasa ke atas Kempen (“T&S”):-

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia yang merupakan pemegang akaun Bank sedia ada dan baharu (“**Pelanggan**”) yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:
 - (a) Berumur antara 21 – 60 tahun;
 - (b) Bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan minimum Dua Puluh Empat Ribu Ringgit Malaysia (RM24,000) setahun;
 - (c) Tidak mempunyai sebarang baki tunggakan atas mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB sedia ada sebelum Tempoh Kempen (berkenaan kepada Pelanggan sedia ada sahaja).
2. Berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen:
 - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
 - (b) Pelanggan yang telah dikenalpasti Bank sebagai mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di dalam Terma dan Syarat;
 - (c) Kakitangan tetap dan kakitangan kontrak dengan Bank; dan
 - (d) Pelanggan sedia ada yang memegang lebih daripada satu Kemudahan (definisi tertakluk di bawah) sedia ada dengan pihak Bank.

Mekanik Kempen

3. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi terma yang berikut sepanjang Tempoh Kempen:
 - (a) Memohon untuk sekurang-kurangnya satu (1) daripada kemudahan berikut (“**Kemudahan**”) semasa Tempoh Kempen untuk tempoh dua (2) hingga lima (5) tahun (“**Tempoh Kemudahan**”) dan amaun kemudahan adalah seperti yang tertakluk di jadual di bawah (“**Amaun Kemudahan Dipohon**”):

Kemudahan	Amaun Kemudahan Dipohon (RM)*	
	Amaun Minima	Amaun Maksima
Pinjaman Peribadi HLB	5,000	250,000
Pembiayaan Peribadi-i HLISB	5,000	150,000
Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki HLB	5,000	250,000

Pembiayaan Peribadi- HLISB	Penggabungan Baki	5,000	150,000
-------------------------------	-------------------	-------	---------

*Untuk mengelakkan dari sebarang keraguan, amaun Kemudahan dipohon tidak semestinya bersamaan dengan amaun Kemudahan diluluskan.

Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB secara kolektifnya dikenali sebagai “**Kemudahan PF**”, manakala Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki HLB dan Pembiayaan Peribadi-i Penggabungan Baki HLISB secara kolektifnya dikenali sebagai “**Kemudahan PFC**” (Kedua-dua Kemudahan PF dan Kemudahan PFC secara kolektifnya akan dikenali sebagai “**Kemudahan**”)

(b) Permohonon untuk Kemudahan dihantar melalui mana-mana satu saluran permohonan berikut:

Saluran	Platforms
Luar Talian	Cawangan Bank, Terminal am:pm, Jualan Terus, Jualan Telefon, Perkhidmatan Cawangan dan Tablet Jualan
Laman Sesawang	Laman Sesawang Bank di www.hlb.com.my atau www.hlisb.com.my
Connect	Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect

Untuk mengelakkan daripada keraguan, Pelanggan yang memilih untuk membuat permohonan melalui saluran Connect, Perkhidmatan Cawangan dan Tablet Jualan (*InBranch Sales and Services Tablet*) dan Terminal am:pm mesti memenuhi semua kriteria di bawah:

- (i) Mempunyai akaun semasa/akaun semasa-i dan/atau akaun simpanan/simpanan-i individu Hong Leong yang sah dan aktif;
- (ii) Tidak memegang sebarang Kemudahan sedia ada dengan Bank (terpakai untuk permohonan melalui Terminal am:pm dan Connect sahaja); dan
- (iii) Pengguna Connect berdaftar (terpakai untuk permohonan melalui saluran Connect)

Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausa 3 di atas akan dirujuk sebagai “**Pelanggan Layak**”.

A. Kadar Faedah/Keuntungan dan Rebat Bayar Tepat Pada Masa untuk Kemudahan

4. Pelanggan Layak yang permohonan untuk Kemudahan telah diluluskan dan disalurkan selewatnya 30 November 2020 layak untuk menikmati kadar faedah/keuntungan rata mengikut cara yang tertera di Jadual 1 bergantung kepada saluran permohonan, jenis Kemudahan dan amaun Kemudahan diluluskan:

Jadual 1

Saluran Permohonan	Jenis Produk	Amaun Kemudahan Diluluskan	Kadar Faedah/Keuntungan Rata	Rebat atas Jumlah Faedah/Keuntungan	Tempoh Kemudahan
Laman Sesawang Bank	Kemudahan PF	RM5,000 – RM250,000	6.66% setahun	Tiada	2 hingga 5 tahun
Connect	Kemudahan PF	RM5,000 – RM250,000	6.00% setahun	Tiada	2 hingga 5 tahun
Laman Sesawang Bank & Luar Talian	Kemudahan PFC	RM5,000 – RM250,000	<i>Kadar semasa berkenaan seperti yang tertakluk di Klausula 5</i>	20%	2 hingga 5 tahun
Luar Talian	Kemudahan PF	RM5,000 – RM49,000	9.00% setahun	25%	2 hingga 5 tahun
		RM50,000 – RM250,000		50%	

Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif berbeza seperti berikut bergantung kepada tempoh pinjaman/pembiayaan-i dari 2 – 5 tahun:

- (i) Kadar rata 6.00% setahun – Kadar faedah/keuntungan efektif berkisar dari 10.85% setahun hingga 11.13% setahun
- (ii) Kadar rata 6.66% setahun – Kadar faedah/keuntungan efektif berkisar dari 11.95% setahun hingga 12.31% setahun
- (iii) Kadar rata 9.00% setahun – Kadar faedah/keuntungan efektif berkisar dari 15.71% setahun hingga 16.43% setahun

5. Kadar faedah/keuntungan rata seperti yang tertakluk di Klausa 4 adalah TIDAK berkenaan untuk Kemudahan PFC. Bagi Kemudahan PFC, kadar semasa berkenaan di mana Kadar Faedah/Keuntungan Efektif (“**EIR/EPR**”) atas Kemudahan PFC hendaklah maksimum 2% setahun lebih rendah daripada EIR/EPR gabungan atas caj faedah/keuntungan digabungkan untuk baki kemudahan kad kredit/kad kredit-i dan pembiayaan peribadi sedia ada Pelanggan Layak dengan kadar faedah/keuntungan rata minima 7.50% setahun.

6. Pelanggan Layak yang telah membuat permohonan untuk Kemudahan semasa Tempoh Kempen dimana Kemudahan diluluskan dan disalurkan oleh Bank pada/sebelum 30 November 2020 dan membayar ansuran bulanan untuk Kemudahan pada/sebelum tarikh matang setiap bulan semasa Tempoh Kemudahan (“**Pelanggan Memenuhi Syarat**”) akan layak menerima Rebat Bayar-Tepat-Masa di atas jumlah kadar faedah/keuntungan yang perlu dibayar (“**Rebat**”) seperti mana yang tertakluk di Jadual 1 di atas.

7. Rebat akan dikreditkan kepada akaun Kemudahan Pelanggan Memenuhi Syarat setiap bulan selepas tarikh matang ansuran bulanan bulan ketujuh (7) dan bulan berikutnya sehingga bulan keenam (6) sebelum ansuran terakhir untuk Kemudahan (“**Tempoh Rebat**”). **Oleh itu, Tempoh Rebat akan sentiasa dua belas (12) bulan kurang daripada Tempoh Kemudahan.** Sebagai contoh, untuk tempoh Kemudahan enam puluh (60) bulan, Tempoh Rebat efektif ialah empat puluh lapan (48) bulan.

8. Ilustrasi ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk amaun Kemudahan PF dengan Amaun Kemudahan Diluluskan sebanyak RM5,000 yang diambil sepanjang Tempoh Kemudahan lima (5) tahun dengan Rebat berkenaan 25% adalah seperti yang diilustrasikan di Jadual 2 dan Jadual 3 di bawah:

Jadual 2

Amaun Kemudahan PF Diluluskan*	Tempoh Kemudahan PF (Tahun)	Kadar Faedah/Keuntungan (setahun) atas Amaun Kemudahan PF Diluluskan	Jumlah Faedah/Keuntungan Yang Perlu Dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan	Ansuran Bulanan semasa Tempoh Tanpa Rebat**
(a)	(b)	(c)	(d)= a x b x c	(e)= (a+d) / (b x 12)
RM5,000	5	9.00% setahun	RM2,250	RM125

*0.50% daripada Amaun Kemudahan Diluluskan akan ditolak daripada Kemudahan semasa penyaluran untuk cukai setem yang perlu dibayar atas Kemudahan tersebut.


**Ansuran akan dibundarkan ke atas kepada RM5 terdekat.

Jadual 3

Rebat 25% atas Jumlah	Rebat Bulanan yang akan	Ansuran bulanan selepas
------------------------------	--------------------------------	--------------------------------

Faedah/Keuntungan yang Perlu Dibayar Sepanjang Tempoh Kemudahan PF	diterima sepanjang Tempoh Rebat	Rebat semasa Tempoh Rebat (dibundarkan ke RM5 terdekat)
(a)	(b) = (a)/Tempoh Rebat	(c) = Ansuran Bulanan – (b)
RM2,250 x 25% = RM562	RM562/48bulan = RM11	RM125 – RM11 = RM115

Gambaran visual ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk amaun Kemudahan PF diluluskan sebanyak RM5,000 yang diambil sepanjang tempoh lima (5) tahun dengan Rebat berkenaan 25% sepanjang tempoh Kemudahan PF:



Nota: Tempoh Rebat diwakili oleh kawasan yang bewarna biru.

9. Pelanggan Memenuhi Syarat yang layak menerima Rebat akan dimaklumkan oleh Bank pada bulan keenam (6) Tempoh Kemudahan, berdasarkan alamat terkini yang dibekalkan oleh Pelanggan Memenuhi Syarat seperti yang terdapat di dalam rekod Bank.
10. Untuk mengelakkan daripada sebarang keraguan, Rebat bulanan yang dikreditkan kepada akaun kemudahan Pelanggan Memenuhi Syarat semasa Tempoh Rebat seperti yang tertera di Klausula 7 akan dianggap sebagai bayaran dahuluan atas ansuran bulanan. Sehubungan itu, ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Pelanggan Memenuhi Syarat adalah selepas potongan amaun Rebat bulanan. Pelanggan Memenuhi Syarat boleh menghubungi Bank untuk maklumat mengenai ansuran bulanan yang perlu dibayar. Ia merupakan tanggungjawab Pelanggan Memenuhi Syarat untuk memaklumkan Bank secara bertulis selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh matang ansuran bulanan bulan ketujuh (7) dan/atau bulan-bulan berikutnya jika tidak menerima Rebat bulanan. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan Memenuhi Syarat akan dianggap sebagai telah menerima Rebat dari Bank.
11. Kelayakan Pelanggan Memenuhi Syarat untuk menerima Rebat akan dibatalkan dan bayaran Rebat berikutnya akan dihentikan segera sekiranya salah satu daripada situasi yang berikut berlaku:
 - a. Pelanggan Memenuhi Syarat gagal membayar sebarang ansuran bulanan untuk Kemudahan sebelum/pada tarikh matang atau mana-mana jumlah lain yang dihutang di bawah dan berkaitan dengan Kemudahan apabila diminta oleh Bank;
 - b. notis penyelesaian awal diberi oleh Pelanggan Memenuhi Syarat sebelum kematangan Tempoh Kemudahan; atau
 - c. Pelanggan Memenuhi Syarat telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan penggunaan Kemudahan.

B. Rebat Bayar Tepat Pada Masa untuk Pelanggan dengan Pelaburan Sah

12. Pelanggan Layak yang mempunyai mana-mana pelaburan Deposit Tetap/Deposit Tetap-i dan/atau pelaburan Amanah Saham Berhad dan/atau Amanah Saham Nasional Berhad dan/atau amanah saham dan/atau ekuiti dan/atau bon (secara kolektifnya dikenali sebagai “**Pelaburan Sah**”) dengan mana-mana bank di Malaysia dan memenuhi syarat berikut akan layak menikmati kadar faedah/keuntungan rata dan Rebat Bayar Tepat pada Masa mengikut cara yang tertera di Jadual 4 di bawah:

- (a) Membuat permohonan untuk Kemudahan PF melalui saluran Luar Talian dengan Amaun Kemudahan Diluluskan seperti di bawah; dan
- (b) Menghantar salinan resit Pelaburan Sah tersebut bersama permohonan mereka yang membuktikan pelaburan tersebut tidak luput atau telah dikeluarkan. Amaun yang tertera atas resit Pelaburan Sah harus bersamaan dengan sekurang-kurangnya 25% daripada amaun Kemudahan PF yang dipohon.

Jadual 4

Saluran Permohonan	Jenis Produk	Amaun Kemudahan Diluluskan	Kadar Faedah/Keuntungan Rata	Rebat atas Jumlah Faedah/Keuntungan	Tempoh Kemudahan
Luar Talian	Kemudahan PF	RM5,000 – RM49,000	9.00% setahun	35%	2 hingga 5 tahun
		RM50,000 – RM250,000		60%	

Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif yang terpakai kepada kadar faedah/keuntungan rata 9.00% setahun berbeza daripada 15.71% setahun sehingga 16.43% setahun bergantung kepada tempoh pinjaman/pembiayaan-i dari 2 – 5 tahun.

Umum

13. Dengan menyertai kempen in, Pelanggan dengan ini:

- i. bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB;
- ii. bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh [Notis Privasi Bank](#);
- iii. bersetuju untuk melawat Laman Sesawang Bank pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
- iv. bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 30

November 2020 dan Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat disalurkan sebelum/pada 30 November 2020 untuk sebarang sebab sekalipun;

- v. bersetuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan dan/atau amaun Kemudahan diluluskan) adalah muktamad, akhir dan mengikat; dan
- vi. bersetuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen.

14. Bank berhak untuk:

- i. menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan;
- ii. membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini; dan
- iii. menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini dengan memberi notis awal kepada Pelanggan dengan cara memaparkannya di Laman Sesawang Bank, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.

15. T&S yang terkandung di sini dan [Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB](#) hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.

16. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.

17. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

18. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan mufrad termasuk jamak dan sebaliknya.